

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/92

Jun 1992

JAB 002 - Biologi II

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab mana-mana LIMA soalan. Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.
- Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Huraikan secara umum struktur, cara pemakanan dan pembiakan aseksual pada kulat.
(20 markah)

2. Dengan berpandukan gambarajah berlabel, huraikan kitar hidup alga spesies *Ulva* dan lumut spesies *Polytrichum*. Bincangkan persamaan dan perbezaannya.
(20 markah)

3. (a) Berdasarkan contoh yang dinamakan, bandingkan tabiat biji benih gimnosperma dengan biji benih angiosperma.
(8 markah)

- (b) Bincangkan masalah yang dihadapi oleh tumbuhan yang hidup di darat.
(7 markah)

- (c) Jelaskan kepentingan ekonomi organisma di dalam Alam Protista.
(5 markah)

4. Tuliskan nota tentang yang berikut:
 - (a) skizogoni
 - (b) sel nyala
 - (c) trakea
 - (d) proglottid
(20 markah)

5. (a) Huraikan ciri-ciri serangga.
(15 markah)

- (b) Dengan menggunakan contoh yang sesuai terangkan perbezaan antara serangga hemimetabolus dan serangga holometabolus.
(5 markah)

6. Huraikan kitar hidup:
- (i) *Obelia*
 - (ii) *Fasciola hepatica*

(20 markah)

oooOooo

